



Aktiviti Yang Telah Diadakan Pada April 2019

1 April 2019

Sesi Perbincangan Requirement Gathering (RG) GOSG Internal Bagi Projek Integrasi SME HIP 1

Pasukan SMEHIP telah dimaklumkan berhubung ikon tambahan bagi User Interface di muka hadapan login dalam persekitaran staging kerana ia merupakan keperluan DDMS.

Agensi terlibat:
• Pasukan SMEHIP, MAMPU

10 & 11 April 2019

Penyertaan Pasukan Projek GOSG Dalam Karnival Institusi Pendidikan Tinggi MARA di Stadium Negeri Kuala Terengganu, Terengganu

Pengunjung yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar lepasan SPM menyambut baik inisiatif Portal MyGovernment sebagai pusat informasi dalam menyediakan maklumat berhubung laluan pendidikan di peringkat lepasan menengah dan pendidikan tinggi.

Agensi terlibat:
• MARA



17 April 2019

Sesi Pelaksanaan Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) Bagi Carian Institusi Pendidikan Di Dalam Portal MyGovernment

Pengujian pengguna ke atas Perkhidmatan Carian Institusi Pendidikan.

Agensi terlibat:
• MARA
• KPM

22 April 2019

Perbincangan Pelaksanaan Pembuktian Konsep Identiti Digital (POC)

Sesi teknikal pelaksanaan pembuktian konsep Identiti Digital (POC) bersama pihak-pihak yang terlibat dalam pengujian.

Agensi terlibat:
• JPN

25 April 2019

Lawatan Ke Makmal UX MTSSB

Satu sesi lawatan ke Makmal Kajian User Experience (UX), MTSSB telah dibuat dimana ahli pasukan Portal MyGovernment telah diberikan pendedahan berhubung persekitaran pelaksanaan kajian melalui sesi taklimat, tayangan video dan penerangan berkaitan peralatan serta metodologi yang akan digunakan dalam pelaksanaan kajian ini. Kajian ini akan digunakan bagi menilai pengalaman pelanggan dalam menggunakan Portal MyGovernment dari aspek keberkesanan dan kepuasan pelanggan.

Agensi terlibat:
• Pasukan Projek GOSG, MAMPU



01

02

8 April 2019

Mesyuarat Pembangunan Perkhidmatan Rancang Perjalanan Fasa Satu

Membincangkan keperluan, kaedah serta tempoh pembangunan Perkhidmatan Rancang Perjalanan di Portal MyGovernment.

Agensi terlibat:
• Prasarana Malaysia Berhad
• MOT

03

12 April 2019

Troubleshoot Access View Bagi Tujuan Perkhidmatan Semakan Peperiksaan Penggal (SAPS)

Troubleshoot access view bagi Semakan Keputusan Peperiksaan Penggal.

Agensi terlibat:
• PADU
• Pasukan MyGDX, MAMPU

04

15 April 2019

Mesyuarat Penyelenggaraan Integrasi Sistem Permohonan Lesen Peniaga / Taksidermi Dengan Portal MyGovernment

Membincangkan pelan pelaksanaan terbaik yang perlu diambil bagi memastikan Perkhidmatan Lesen Peniaga / Taksidermi dapat dilaksanakan dengan efisien di Portal MyGovernment.

Agensi terlibat:
• PERHILITAN

05

22 April 2019

Perbincangan Mengenai Integrasi SSO Portal MyGovernment Dengan DDMS 2.0

Membincangkan isu-isu yang berkaitan integrasi SSO dengan DDMS 2.0 dan persediaan pelaksanaan UAT yang dijadualkan pada 6 Mei 2019.

Agensi terlibat:
• Pasukan DDMS, MAMPU

06

23 April 2019

Sesi Perbincangan Isu Portal MyGovernment Bagi Projek Integrasi SME HIP 1

Perbincangan isu integrasi Portal MyGovernment dengan Portal MalaysiaBiz.

Agensi terlibat:
• Pasukan SMEHIP, MAMPU

07

08

29 April 2019

Perbincangan Integrasi Mi-UAP DDMS 2.0 Fasa II

Sesi Teknikal pelaksanaan SIT (System Integration Test) dengan pihak pembekal DDMS 2.0.

Agensi terlibat:
• Pasukan DDMS, MAMPU

PETUNJUK :
GOSG - Government Online Services Gateway
MyGDX - Malaysian Government Central Data Exchange
DDMS - Digital Document Management System
SME HIP - Small and Medium Enterprise High Impact Programme

Aktiviti Yang Dirancang Pada Mei 2019

02 Mei 2019

Taklimat Pelaksanaan SSO Kepada Perkhidmatan Notis Jualan Murah KPDNHEP

Agensi terlibat: KPDNHEP

06 Mei 2019

Mesyuarat Kumpulan Fokus Tematik Kluster Ekonomi Digital

Agensi terlibat: KKMM

07 Mei 2019

Perbincangan Teknikal Pembangunan Perkhidmatan Permohonan Pra Sekolah dan Permohonan Tahun Satu Bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Perbincangan teknikal membabitkan integrasi bagi Perkhidmatan Permohonan Pra Sekolah dan Tahun Satu

Agensi terlibat: KPM

08 Mei 2019

Perbincangan Teknikal Integrasi Perkhidmatan Semakan Keputusan Peperiksaan

Perbincangan bersama Pasukan MyGDX bagi mengenalpasti keperluan teknikal Perkhidmatan Semakan Keputusan Peperiksaan

Agensi terlibat: Pasukan MyGDX, MAMPU

09 Mei 2019

Perbincangan Teknikal Integrasi Perkhidmatan Keputusan Peperiksaan Semester dan Permohonan Ke Sekolah Berasrama Penuh MARA

Perbincangan teknikal yang melibatkan perbelanjaan dan sebagainya

Agensi terlibat: MARA

09 Mei 2019

Sesi UAT SSO Portal MyGovernment Bagi Projek SME-HIP1

Agensi terlibat: Pasukan SMEHIP, MAMPU

10 Mei 2019

Perbincangan Integrasi SSO Aplikasi KPM

Agensi terlibat: KPM

14 Mei 2019

Semakan Integrasi SSO dengan Aplikasi The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment System (MyRAM App. 2.0)

Agensi terlibat: (Bahagian Perundingan ICT, Bahagian Pembangunan Strategik & Arkitektur ICT, Bahagian Pembangunan Aplikasi & Pasukan Projek GOSG) MAMPU, NACSA & MIMOS

23 Mei 2019

Sesi UAT SSO Portal MyGovernment Bagi Aplikasi The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment System (MyRAM App. 2.0)

Agensi terlibat: (Bahagian Perundingan ICT, Bahagian Pembangunan Strategik & Arkitektur ICT, Bahagian Pembangunan Aplikasi & Pasukan Projek GOSG) MAMPU, NACSA & MIMOS

EDISI HADAPAN

e-Newsletter Bil. 5/2019 akan memaparkan aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan pada Portal MyGovernment.

Ikuti Portal MyGovernment di saluran berikut:

- www.malaysia.gov.my
- [MyGovernment_Official](https://www.facebook.com/MyGovernmentOfficial)
- https://twitter.com/GOS_Gateway



Imbas Sekarang!